

01 AUG 2001

Abdullah-Bush

PERDANA MENTERI TAK PERNAH MINTA JUMPA BUSH

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah menunjukkan hasratnya untuk menemui Presiden George W. Bush, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata Perdana Menteri juga tidak pernah meminta supaya perjumpaan dengan Presiden Amerika Syarikat itu diadakan.

Abdullah diminta mengulas laporan majalah Far Eastern Economic Review bahawa pegawai-pegawai Amerika Syarikat hanya akan memberi kebenaran kepada Dr Mahathir untuk berjumpa Bush sekiranya beberapa syarat dipenuhi.

Syarat-syarat itu termasuk memberi kebenaran kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim menjalani rawatan di luar negara dan membebaskan enam pemimpin Parti Keadilan Nasional yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Menurut laporan itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar telah mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell untuk membincangkan mengenai pertemuan kedua-dua pemimpin itu.

Abdullah menjelaskan bahawa pemergian Syed Hamid ke Amerika Syarikat ialah kerana urusan lain dan bukan untuk mengadakan rundingan bagi pertemuan berkenaan.

Beliau mengecam golongan tertentu di Amerika Syarikat yang sering mencari salah kerajaan Malaysia dengan membuat andaian kononnya parti pembangkang tidak diberi kebebasan untuk menyuarakan pandangan atau mendapat undi dan sokongan dalam pilihan raya.

"Adakah mereka tak tahu di Malaysia pembangkang juga menang dalam pilihan raya dan tubuh kerajaan (negeri). Mereka buat komen macam mereka tak tahu apa yang berlaku di negara kita," katanya.

-- BERNAMA

ZAI ZAI MAI